

15/09/2003

Deklamasi sajak harga pencapaian Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Deklamasi Angkasapuri 2003, persembahan puisi khas untuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diadakan di Auditorium Perdana di sini malam tadi, disajikan dengan pelbagai pujian dan penghargaan terhadap pencapaian Perdana Menteri.

Deklamasi Angkasapuri itu yang disertai pemuisi dan artis terkenal tanah air, turut menampilkan perasaan kasih sayang dan terima kasih rakyat ke atas pengorbanan Dr Mahathir membangunkan negara selama ini.

Persembahan deklamasi itu yang diadakan sempena Bulan Kemerdekaan dimulakan dengan bacaan sajak bertajuk E-Mel Buat Perdana Menteri, karya Othman Zainuddin yang dibacakan Arabak Othman, diikuti puisi Aksara Merdeka ciptaan Wadi Leta SA yang dideklamasikan Lim Swee Tin dan Amaruszati.

Pada persembahan itu, Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said turut membacakan sajak ciptaannya bertajuk Dirgahayu Dr Mahathir. Selain itu, lagu ciptaan khas turut dinyanyikan untuk Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali bertajuk Sesetiamu Di Sampingnya, ciptaan Dr Ibrahim Ghaffar yang dinyanyikan Yusni Hamid.

Turut menyampaikan sajak, pelakon Erma Fatima bertajuk Surat Winnie Kepada Mandelanya, karya Datuk Johan Jaafar.

Selain bacaan puisi turut diadakan persembahan nyanyian lagu puisi oleh kumpulan Shades bertajuk Tanah Air, Koprata (Masihkah Kau Ingat) dan Kumpulan Ibrahim Bachek (Patah Tumbuh).

Hadir menyaksikan persembahan yang disiarkan secara langsung melalui TV1 Radio Televisyen Malaysia (RTM) ialah Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin.